




SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN


KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 15 Rejab 1444 / 06 Februari 2023

- I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, kadar purata kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan penurunan yang mana kadar purata kes COVID-19 dalam masa satu minggu kebelakangan ialah 108 kes sehari, berbanding dengan kadar pada minggu sebelumnya iaitu 122 kes sehari. Sebanyak 32,615 keputusan ujian ART telah dimuat naik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 2.3% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.

7 day average of daily COVID-19 cases



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022



Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala terdapat **1 kes** di dalam Kategori 4 iaitu yang memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sehingga kelmarin, 05 Februari 2023, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **79.1%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **11.9%** juga telah mendapatkan dos keempat.
- iii) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei

Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solehin. Al-Fatihah (Bacaan Surah Al-Fatihah).

2. Pada hari ini, sebanyak **122 kes baru** telah dilaporkan iaitu 118 kes hasil ujian ART dan **empat** kes telah dikesan dari ujian-ujian makmal RT-PCR yang telah dilakukan dalam masa 24 jam yang lalu.
3. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua. Aamiin Aaminn Ya Rabbalalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 15 Rejab 1444H / 06 Februari 2023